

Kempen Deposit Bertempoh-i

Terma dan Syarat

1. Kempen Deposit Bertempoh-i (“Kempen”) Affin Islamic Bank Berhad bermula pada 18 Februari 2021 sehingga 3 Mac 2021 atau Kempen berakhir sebaik sahaja mencapai had yang dikehendaki, mengikut mana yang lebih awal (“Tempoh Kempen”). Semua permohonan hendaklah dibuat dalam Tempoh Kempen. Sebarang lanjutan selepas itu akan diputuskan atas budi bicara Affin Islamic Bank Berhad dan Affin Bank Berhad (kemudian dari ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”).
2. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu Affin Islamic Bank Berhad yang baharu dan sedia ada termasuk pekerja-pekerja Bank, tertakluk kepada kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Butiran Kempen (“Pelanggan yang Layak”). Walau bagaimanapun, tidak akan ada kadar keutamaan akan diberikan kepada pekerja Bank.

BUTIRAN KEMPEN

(A) Kadar Promosi eDeposit Bertempoh-i (“eTD-i”)

1. Untuk tujuan kadar promosi eTD-i, semua peletakan eTD-i mesti dibuat melalui saluran berikut:

Saluran	Butiran
Platform Perbankan Internet (AffinOnline) di www.affinonline.com	Semua peletakan eTD-i mesti dibuat melalui pemindahan dana dari Akaun Semasa Akaun Simpanan (CASA-i)/ Akaun Semasa Akaun Simpanan (CASA) sedia ada yang dikekalkan dengan Bank.

2. Pelanggan yang Layak berhak mendapat kadar promosi eTD-i adalah seperti jadual berikut:

Jumlah Peletakan Minimum Bagi Setiap Sijil	Jumlah Peletakan Maksimum Bagi Setiap Sijil	Tempoh eTD-i (Bulan)	Kadar Promosi (setahun)	Pembayaran Keuntungan
RM10,000	RM200,000	1	1.90%	Apabila Matang
		3	2.20%	
		6	2.35%	
		8	2.35%	
		12	2.38%	

(B) Kadar Promosi Deposit Bertempoh-i (“TD-i”)

3. Untuk kadar promosi TD-i, Pelanggan yang Layak berhak mendapat kadar promosi TD-i seperti jadual berikut:

Jumlah Peletakan Minimum	Jumlah Peletakan Maksimum	Tempoh (Bulan)	Kadar Promosi TD-i (setahun)
RM10,000	RM1,000,000	1	1.90%
		3	2.20%
		6	2.35%
		8	2.35%
		12	2.38%

4. Pelanggan yang Layak perlu membuka atau mengekalkan Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i (CASA/CASA-i) dengan Bank bagi tujuan pengkreditan keuntungan.

(B) Kadar Promosi Deposit Bertempoh-i AFFIN INVIKTA™

5. Untuk kelayakan kadar promosi TD-i AFFIN INVIKTA™, Pelanggan yang Layak perlu membuka Akaun-i AFFIN INVIKTA™ dan mengekalkan RM50,000 di dalam akaun sepanjang tempoh TD-i.
6. Bagi kadar promosi TD-i AFFIN INVIKTA™, pelanggan yang Layak berhak mendapat kadar promosi TD-i adalah seperti jadual berikut:

Jumlah Minimum Akaun-i AFFIN INVIKTA™	Jumlah Peletakan Minimum TD-i	Jumlah Peletakan Maksimum TD-i	Tempoh (Bulan)	Kadar Promosi Deposit Bertempoh-i (setahun)
RM50,000	RM100,000	RM5,000,000	1	1.90%
			3	2.25%
			6	2.40%
			8	2.40%
			12	2.42%

7. Keuntungan daripada kadar promosi TD-i AFFIN INVIKTA™ akan dikreditkan ke dalam Akaun-i AFFIN INVIKTA™ bagi Pelanggan yang Layak.
8. Akaun-i AFFIN INVIKTA™ adalah berasaskan prinsip Shariah Tawarruq/ Komoditi Murabahah.

Terma dan Syarat Lain pada TD-i

9. Untuk Pembayaran Awal (pengeluaran sebelum matang TD-i), Pelanggan yang Layak bersetuju untuk memberi Ibra' (rebat) ke atas semua keuntungan yang dikontrakkan sekiranya pengeluaran dibuat sebelum tarikh matang. Tiada keuntungan akan dibayar kepada Pelanggan yang Layak.
10. Pengeluaran separa TD-i adalah tidak dibenarkan.
11. Apabila matang, amaun TD-i tersebut akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada kadar keuntungan semasa seperti yang dipaparkan di cawangan Affin Islamic Bank/Affin Bank Berhad atau di laman web www.affinislamic.com.my.
12. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (KDS), kadar yang ditawarkan mungkin akan dipinda. Pindaan kadar boleh memberi kesan ke atas kadar keuntungan promosi untuk perletakan akaun TD-i baharu yang dibuat oleh Pelanggan yang Layak.

TERMA UMUM

13. Terma dan Syarat Am bagi semua akaun deposit/produk/perkhidmatan adalah terpakai pada setiap masa. Terma dan Syarat tersebut boleh didapati di www.affinislamic.com.my.
14. Pihak Bank berhak, selepas memberikan notis sewajarnya, menukar, meminda, dan/atau mengubah mana-mana "Terma dan Syarat" ini dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan berterusan dalam Kempen ini akan membentuk persetujuan terhadap "Terma dan Syarat" ini. Pelanggan bersetuju untuk sentiasa

mengakses laman web kami bagi melihat “Terma dan Syarat” serta memastikan mereka sentiasa mendapat maklumat terkini berhubung apa-apa pertukaran atau perubahan “Terma dan Syarat” tersebut.

15. Pihak Bank, mengikut budi bicaranya, boleh menarik, membatalkan, menangguhkan Kempen lebih awal dari Tempoh Kempen atau memanjangkan tempoh Kempen dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman webnya.
16. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan bersetuju untuk terikat dengan “Terma dan Syarat” yang dinyatakan.
17. “Terma dan Syarat” ini yang ditetapkan dalam dokumen ini hendaklah diselia dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
18. Kempen ini berakhir pada 3 Mac 2021. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak menghentikan Kempen sebaik sahaja Kempen ini mencapai had yang dikehendaki walaupun sebelum tarikh Kempen berakhir. Apa-apa lanjutan tempoh selepas itu akan diputuskan mengikut budi bicara pihak Bank.
19. Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa dia telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan Bank dan fasal-fasal yang terkandung di dalam ini, sebagaimana yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadinya. Pihak Bank dengan ini dibenarkan untuk memasarkan produk-produk Kumpulan atau syarikat bersekutu/ kembarnya yang berkepentingan kepada Pelanggan kecuali Pelanggan menghubungi mana-mana cawangan Bank untuk menarik diri. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi Kumpulan tersebut hendaklah disifatkan telah digabungkan dengan merujuk kepada Terma dan Syarat ini.
20. Sila rujuk Notis Privasi Kumpulan kami yang boleh didapati dengan mengunjungi mana-mana pejabat, cawangan Affin Islamic Bank Berhad/ Affin Bank Berhad atau di laman sesawang www.affinislamic.com.my.
21. Terma dan Syarat dalam Bahasa Inggeris boleh didapati di www.affinislamic.com.my.
22. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan/atau mempunyai tanggungan dan tidak akan menerima apa-apa bentuk liabiliti sama sekali dan walau apa pun yang timbul atau dialami oleh pelanggan secara langsung atau tidak langsung yang diakibatkan daripada penyertaan pelanggan di dalam Kempen atau sebaliknya kecuali disebabkan oleh kecuaiian, kegagalan atau penipuan Bank secara langsung. Selain itu, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan ke atas kewajipannya di bawah Kempen kerana sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau mana-mana peristiwa di luar kawalan pihak Bank.
23. Pelanggan yang Layak dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat, “Terma dan Syarat” ini. Sekiranya terdapat syarat dan ketentuan dalam “Terma dan Syarat” ini yang tidak difahami oleh Pelanggan yang Layak, Pelanggan dengan ini dinasihatkan untuk berbincang lebih lanjut dengan kakitangan, wakil atau ejen Bank.

TD-i/eTD-i, Akaun-i AFFIN INVIKTA™ dan CASA/CASA-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.